



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI ZON A, TAMAN KLEBANG JAYA, IPOH, PERAK

Dikemaskini pada 1 Disember 2020

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

Aktiviti dibenarkan

- Perkhidmatan Perlu & rantaianya
- Mendapatkan rawatan kesihatan

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan

Penerangan Ringkas

Kawasan yang terlibat

Zon A, Taman Klebang Jaya, Ipoh Perak.

Tempoh Kuat kuasa

1 Disember 2020 (12.00 pagi) sehingga 14 Disember 2020 (11.59 malam).

Kawalan Pergerakan

- PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA & PBT.
- Laluan keluar masuk kawasan PKPD **ditutup dan dikawal** kemasukan oleh PDRM.
- Semua penduduk di dalam kawasan PKPD **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari kediaman/tempat tinggal masing-masing **kecuali seorang (1)** sahaja wakil isi rumah dibenarkan keluar hanya untuk mendapatkan bekalan makanan dan keperluan asas **di Kawasan PKPD dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.**
- Bagi penduduk yang bekerja, majikan dipohon untuk mengambil maklum akan perintah ini dan membenarkan bekerja dari rumah (*work from home*).
- Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, **DIBENARKAN** setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.
- Perkhidmatan penghantaran (*food panda & grab*) adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPD.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Saluran Makanan dan keperluan

- Bagi kawasan dan penduduk yang terputus bekalan makanan dan keperluan asas bantuan bekalan akan disalurkan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Kinta dan diagihkan oleh APM dan RELA.
- Bagi pekerja warga asing yang tinggal di asrama, pemberian bantuan bekalan makanan akan diselaraskan secara bersama oleh PKOB Daerah Kinta dan pengurusan kilang di sekitar taman perumahan tersebut.
- Sumbangan keperluan makanan dari NGO, ADUN kawasan dan lain-lain akan diselaraskan oleh PKOB Daerah Kinta.

Aktiviti Dalam Kawasan PKPD

- Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN.**
- Saringan secara bersasar kepada penduduk di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.
- Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan.